

19 SEP 1998

Ramli-Anwar

RAKYAT TAK PERLU RAGU LAGI TINDAKAN PM PECAT ANWAR, KATA RAMLI

TELUK INTAN, 19 Sept (Bernama) -- Rakyat kini tidak lagi perlu meragui tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memecatnya dari Umno dengan terbuktinya kes salah laku seksualnya di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata pengakuan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 37 dan Dr Munawar Ahmad Anees, 51, melakukan perbuatan kelucahan melampau dengan membenarkan Anwar meliwat mereka kini memperkukuhkan kenyataan yang dibuat oleh Dr Mahathir.

"Pengakuan kedua-dua mereka yang dibuat secara formal mengikut prosedur di hadapan hakim dan di dalam mahkamah dengan penuh kedaulatan undang-undang, sudah tentu mengesahkan perkara sebenar," katanya kepada Bernama apabila dihubungi di sini hari ini.

Ramli berkata walaupun banyak pemimpin Umno sudah mengetahui perkara itu tetapi mereka tidak mahu mengatakannya secara terbuka untuk memastikan keadaan dapat dipelihara dan mahu ianya diselesaikan secara undang-undang.

Oleh itu, rakyat, terutama anggota Umno, kini perlu memberi sokongan padu dan berdiri teguh di belakang Dr Mahathir bagi mengembalikan kedaulatan undang-undang negara serta kepercayaan teguh terhadap sistem demokrasi negara, katanya.

Ramli berkata mereka yang menyokong Anwar perlulah kembali ke pangkal jalan dan Badan Perhubungan Umno Perak akan menerima mereka kembali.

Sementara itu, Ramli semasa berucap pada majlis perkampungan pergerakan Wanita Umno bahagian Pasir Salak di Kota Setia, Kampung Gajah dekat sini, berkata tindakan Anwar bersekongkol dengan parti pembangkang terutama DAP memperlihatkan beliau seorang oportunist dan tidak menjiwai semangat Umno.

Katanya, tindakan Anwar, yang menukar pendiriannya dengan bekerjasama dengan DAP dalam masa dua minggu setelah dilucutkan jawatan serta dipecat dari Umno, membuktikan yang beliau tidak pernah menjiwai Umno.

"Setiap ahli Umno harus mengutuk tindakan yang sedemikian memandangkan beliau sudah menjadi pemimpin Umno selama 16 tahun dan telah membuang masa kita dengan begitu lama menyokongnya," katanya.

Beliau berkata tindakan Anwar pada masa ini memperlihatkan beliau telah hilang pedoman dan arah, terutama sekali kenyataannya meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan yang menyimpang jauh dari isu sebenar.

Anwar telah "menggali lubangnyanya sendiri" dengan tindak-tanduknya pada masa ini, katanya.

Ramli berkata Anwar kini telah memperlihatkan "belangnya" dan mereka yang menyokongnya perlu kembali pada landasan parti kerana mereka masih punya masa untuk melakukannya.

-- BERNAMA

HK khy